



Ruj : JPA/PEN/193/24(55)
Tarikh : 28 Mei 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Dato' Seri / Datin Seri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan,

**KAJI SELIDIK MINAT DAN KECENDERUNGAN PENGLIBATAN
KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI PESARA DAN
BAKAL PESARA UNTUK PORTAL 1 MALAYSIA CIVIL SERVICE RETIREMENT
SUPPORT (1MCSRS)**

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Dato' Seri / Datin Seri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Pra pelancaran portal *1Malaysia Civil Service Retirement Support* (1MCSRS) di bawah strategi ke 10 *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 1 April 2014. Portal tersebut di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dijangka akan memanfaatkan lebih daripada 610,000 pesara penjawat awam termasuk 55,000 pesara tentera yang merupakan jumlah yang besar dan masih berupaya menyumbang kepada negara. Portal ini akan memberi kemudahan dan akses kepada pesara kerajaan melalui 5 elemen yang menjadi teras utama 1MCSRS iaitu **Kesejahteraan Pesara, Panduan Bekerja Semula, Pembangunan Keusahawanan, Pengurusan Kewangan dan Kelangsungan Kesihatan.**

3. Bagi teras Pembangunan Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan ianya menyediakan platform, panduan serta latihan secara intensif berkenaan keusahawanan dan juga perancangan kewangan. Inisiatif ini juga bermatlamat untuk membentuk ikon pesara usahawan berjaya di masa hadapan seterusnya membuka peluang keusahawanan kepada penjawat awam setelah bersara kelak.

4. Justeru itu, kerjasama YBhg. Dato' Seri / Datin Seri / Dato' / Datuk/ Datin / Dr. / Tuan / Puan adalah dipohon untuk membantu menyebarkan kaji selidik ini untuk mendapatkan statistik bidang yang dipilih oleh pesara dan **bakal pesara kerajaan berusia 40 tahun dan ke atas**. Soal selidik kecenderungan minat keusahawanan serta keupayaan kewangan boleh diakses di laman sesawang berikut:

apps.jpapencen.gov.my/nbosmof/

5. Dipohon jua kerjasama YBhg. Dato' Seri / Datin Seri / Dato' / Datuk/ Datin / Dr. / Tuan/ Puan untuk **memanjangkan borang soal selidik** kecenderungan minat keusahawanan serta keupayaan kewangan seperti di **Lampiran A bagi yang tidak dapat mengakses laman sesawang tersebut** dan mengembalikan kepada Urusetia NBOS-1MCSRS, Aras 2-5, Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Blok C2, KompleksC, Presint 1, 64620 Putrajaya atau melalui faksimili di talian 03-88884028. Sila hubungi En. Nur Wasyahlan Bin Zakaria (03-88854621/nurwasyahlan.zakaria@jpa.gov.my) atau Cik Joana Binti Ajadap (03-88854404/joana.ajadap@jpa.gov.my) untuk sebarang pertanyaan.

6. Soal selidik tersebut hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya pada **8 Jun 2014 (Isnin)**. Hasil soal selidik tersebut akan turut menentukan bidang yang akan diberi tumpuan dan sebagai data terkumpul untuk mengenalpasti calon yang terpilih untuk menyertai program 1Met.

7. Kerjasama yang YBhg. Dato' Seri / Datin Seri / Dato' / Datuk / Datin / Dr. / Tuan / Puan berikan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' YEOW CHIN KIONG)

Pengarah

Bahagian Pasca Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA.



NBOS
STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN



SOAL SELIDIK

Pesara merupakan aset Negara yang memerlukan perhatian, penghargaan dan penjagaan kebajikan secara berterusan bagi memastikan kelangsungan produktiviti kepada masyarakat. Inisiatif ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan dalam menyediakan satu perkhidmatan yang holistik kepada pesara penjawat awam.

1Malaysia Civil Service Retirement Support merupakan satu inisiatif terbaharu untuk menjaga kebajikan pesara penjawat awam di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (**National Blue Ocean Strategy : NBOS**) dan diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ia terdiri dari 5 teras utama iaitu Teras 1 (Kesejahteraan Pesara), Teras 2 (Panduan Bekerja Semula), Teras 3 (Pembangunan Keusahawanan), Teras 4 (Pengurusan Kewangan) dan Teras 5 (Kelangsungan Penjagaan Kesihatan).

Di bawah Teras 3 dan 4, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Kementerian Kewangan berusaha membantu para pesara dan bakal pesara secara menyeluruh dan holistik. Bagi melaksanakan matlamat tersebut, satu kaji selidik berkenaan latar belakang minat dan **kecenderungan keusahawanan** dibuat bagi memastikan kumpulan sasaran dapat dikenal pasti dan diberi sokongan / latihan yang sewajarnya.

RUANGAN A: MAKLUMAT RESPONDEN YANG BERMINAT UNTUK MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : (Bimbit) _____

(Pejabat) _____

Kump. Perkhidmatan Akhir:

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

TURUS

JUSA

Pengurusan dan Profesional

Pelaksana

Tarikh Lahir : _____

Kategori :

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Pesara

Bukan Pesara

RUANGAN B : MAKLUMAT SOAL SELIDIK RESPONDEN YANG BERMINAT

Bidang Keusahawanan yang Diminati (Sila Pilih 3 Bidang):

<input type="checkbox"/>	IT / Teknologi
<input type="checkbox"/>	Pertanian
<input type="checkbox"/>	Makanan dan Minuman
<input type="checkbox"/>	Hospitaliti
<input type="checkbox"/>	Tekstil / Fesyen
<input type="checkbox"/>	Francais
<input type="checkbox"/>	Pembuatan
<input type="checkbox"/>	Kraftangan / Pelancongan
<input type="checkbox"/>	Bioteknologi
<input type="checkbox"/>	Minyak dan Gas
<input type="checkbox"/>	Keusahawanan Sosial
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (sila nyatakan): _____

Perancangan Punca Modal Perniagaan

<input type="checkbox"/>	Sendiri
<input type="checkbox"/>	Pinjaman Keusahawanan
<input type="checkbox"/>	Bantuan Pemilikan Aset
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (sila nyatakan): _____

Jenis Perniagaan Yang Ingin Diceburi

<input type="checkbox"/>	Atas Talian
<input type="checkbox"/>	Francais
<input type="checkbox"/>	Pelaburan
<input type="checkbox"/>	Kiosk
<input type="checkbox"/>	Premis
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (sila nyatakan): _____